

Isnin, Jan 29 2018

Ringgit kukuh bukti kekuatan sebenar mata wang Malaysia

SEREMBAN 27 Jan. - Nilai ringgit yang terus kukuh ketika ini dengan diniagakan pada kadar RM3.88 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) adalah gambaran sebenar kekuatan nilai mata wang Malaysia.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, nilai ringgit terbaharu petang semalam itu menjadikan mata wang Malaysia paling kukuh di rantau ini dan beliau percaya ia boleh mencapai sehingga RM3.70 pada bila-bila masa sahaja.

“Nilai ringgit itu adalah nilai sebenar kekuatan mata wang kita, bukan RM3.80 seperti yang pernah ditambat kerajaan pada 1997. Kita tambat nilai ringgit waktu itu dan seluruh dunia marah pada negara kita.

“Selama kira-kira 10 tahun selepas itu kita tidak pernah mem-

peroleh pelaburan yang baik. Tidak banyak dana asing masuk kerana pelabur ingat kita masih tambat ringgit pada RM3.80 yang bukan nilai sebenar ringgit masa itu. Nilai ringgit sebenar waktu itu adalah RM4.85 berbanding dolar AS," katanya ketika merasmikan projek perumahan Bandar Iringan Bayu, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif OSK Property Holdings Berhad, Tan Sri Ong Leong Huat.

Kerajaan melaksanakan tambatan ringgit pada kadar RM3.80 berbanding dolar AS pada 1997 sebagai langkah mengawal tukaran asing ber-pilih berikutan krisis ekonomi global, namun langkah itu di-hentikan pada 21 Julai 2005.

Mohamad yang merupakan tokoh korporat dan kewangan sebelum menjadi Menteri Besar berkata, nilai ringgit semakin mengukuh ketika ini antaranya disebabkan oleh peningkatan eksport, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar serta harga semasa minyak mentah.

"Sebab itu kita jangan pening-pening kepala, jangan risau sangat. Kita sebagai rakyat Malaysia sepatutnya hidup dalam gembira. Saya tak tahu di mana silapnya kerana ada dalam kalangan kita berse-

...dalam kalangan kita dewasa
sangat tertekan,” katanya.
